

25/02/2003

PBB perlu berani buat keputusan: Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap sebarang tindakan

yang akan dibuat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menangani isu Iraq tidak diasaskan kepada desakan atau tekanan negara tertentu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Majlis Keselamatan PBB mesti berpuas hati dengan semua fakta berhubung penemuan pemeriksa senjata yang membolehkan sesuatu tindakan itu diambil sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kita mahu PBB benar-benar yakin adanya maklumat yang tidak boleh dipertikaikan bagi membolehkan sesuatu tindakan tertentu diambil.

Sebarang

tindakan unilateral tidak seharusnya direstui oleh PBB," katanya pada sidang akhbar di luar Sidang Kemuncak NAM ke-13 semalam.

Beliau mengulas mengenai peranan PBB dalam menangani isu Iraq dan tindakan Amerika Syarikat yang memberikan tempoh tiga minggu kepada Iraq untuk melucutkan senjata atau menghadapi perang pertengahan Mac depan.

Sebelum itu, Abdullah mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Djibouti, Ismail Omar Guellah; Penasihat Presiden Nigeria, Emeka Anyaoku;

Menteri Luar Peru, Allan Wagner dan Naib Presiden Seychelles, James Michel.

Timbalan Perdana Menteri juga melahirkan keyakinannya semua negara anggota yang menghadiri sidang kemuncak NAM kali ini mahu apa juga tindakan yang hendak diambil terhadap Iraq mestilah mendapat persetujuan dan direstui oleh PBB.

Beliau yakin PBB akan terus berusaha mengelakkan berlakunya peperangan di Iraq, kerana jelas majoriti negara di dunia tidak mahukan peperangan yang hanya akan membawa kepada kerugian dan kemusnahan.

"Usaha perlu diteruskan oleh PBB dan pada masa ini saya rasa usaha ke arah itu (mengelak peperangan) belum lagi selesai, manakala peranan pihak

pemeriksa senjata masih lagi dikehendaki. Jadi tunggulah hasil daripada kerja mereka ini," katanya.

Mengenai agensi penyiaran asing khususnya CNN dan BBC yang kurang memberi tumpuan dan fokus kepada sidang kemuncak NAM, beliau berkata mereka berbuat demikian kerana mereka tahu apa yang diputuskan oleh NAM tidak akan menyokong pendirian mereka.

Katanya, agensi terbabit berbuat demikian kerana mereka sedar NAM akan mengeluarkan pendirian yang bercanggah dengan apa yang mereka perjuangkan.

"Tetapi dalam masa sama mereka tahu suara NAM tidak mudah diketepikan begitu saja. Suara NAM suara majoriti, suara ramai iaitu suara lebih separuh daripada negara anggota PBB.

"Takkan NAM tidak penting. NAM penting. Tapi sejauh manakah mereka mahu

mendengar atau mahu mengambil kira pendirian NAM. Itu yang menjadi tanda soal pada waktu ini," katanya.

Mengenai pertemuan dengan empat pemimpin itu, Abdullah berkata ia

boleh

dianggap berhasil kerana semua negara berkenaan mahu supaya kerjasama antara Malaysia dengan negara mereka diperluaskan.

"Kepemimpinan Dr Mahathir juga diterima dan disanjung dan mereka berharap di bawah kepemimpinan saya nanti, usaha baik itu dapat diteruskan," katanya.